

BULETIN

Edisi 2022

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan
(PLANMalaysia@Perak)

n Bandar Sedunia
Perak Tahun 2022

**SAMBUTAN HARI PERANCANGAN
BANDAR SEDUNIA 2022
PERINGKAT NEGERI PERAK**



ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengarah	3
Rancangan Korporat Jabatan	4
Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 1/2022	6
Peranan RT Dalam Perancangan Guna Tanah Holistik dan Seimbang	8
Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran RT Hilir Perak, Kuala Kangsar, Batang Padang, Bandaraya Ipoh dan RKK Warisan Bandar Taiping	10
Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 2/20212 Majlis APC dan Persaraan Pengarah	12
Majlis Lambaian Kasih, Sanjungan Budi	13
Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 3/2022	15
Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2022 Peringkat Negeri Perak	16
Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021 - 2025 dan Perhimpunan Bulanan Warga Bil. 4/2022	18

PENASIHAT
YBrs Gs Mohamed Zamri Bin
Mohd. Zain

EDITOR BERSAMA
Ikmal Hasydan Bin Yaakop Tajuddin

FOTOGRAFI Norhisham Bin Baharom
PEREKA GRAFIK Noor Imran Bin Zainuddin

KETUA EDITOR
Khairil Bin Khalid

EDITOR
Manisah Binti Mat Yaakob

TERBITAN KELUARAN 2022 | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan
(PLANMalaysia@Perak) , Tkt 3 & 7, Bangunan Seri Perak, 30646 Ipoh
Tel : 05-209 5700 | Fax : 05-255 3022

PERUTUSAN PENGARAH



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya, Buletin PLANMalaysia@Perak 2022 telah berjaya diterbitkan. Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga PLANMalaysia@Perak di dalam melaksanakan semua perancangan yang telah dirangka pada awal tahun 2022. Sebagai peneraju dalam aspek perancangan bandar dan desa yang bertanggungjawab merancang persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan, jabatan terus komited dan beriltizam untuk memacu perancangan dan pembangunan fizikal di Negeri Perak melalui pelaksanaan dan pemantauan secara komprehensif, sistematik dan inovatif.

Buletin ini berperanan sebagai penyampai atau wadah dalam mewujudkan satu platform perkembangan minda pembaca. Selaras dengan tujuan buletin ini diterbitkan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia@Perak) mengambil inisiatif ini untuk berkongsi dan menyebarkan maklumat perancangan di Negeri Perak.

Usaha-usaha berterusan akan digalas demi mempertingkatkan perkhidmatan dan produktiviti jabatan bagi kecemerlangan jabatan pada masa hadapan. Akhir kata, terima kasih tidak terhingga kepada seluruh warga PLANMalaysia@Perak yang sentiasa bersungguh-sungguh melonjakkan nama jabatan ke arah merialisasikan visi dan misi jabatan.

Sekian.

YBrs Gs Mohamed Zamri Bin Mohd. Zain
Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan
(PLANMalaysia@Perak)

RANCANGAN KORPORAT JABATAN

11 JANUARI 2022 – Rancangan Korporat Jabatan telah diadakan di Yeob Bay Hotel & Resort, Telok Senangin, Lumut, Perak bagi membincangkan hala tuju dan perancangan program dan aktiviti jabatan bagi tahun 2022. Program ini yang diadakan bermula pada 11 Januari 2022 dan berakhir pada 13 Januari 2022 telah dihadiri oleh Pengarah PLANMalaysia@Perak, YBrS Hajah Asni binti Mustafa, Timbalan Pengarah Encik Jabu Anak Dugu, Ketua-Ketua Bahagian dan Lapisan pegawai yang terlibat dengan pengurusan jabatan.

Sepanjang sesi ini dijalankan, antara agenda utama yang dibincangkan ialah berkaitan pencapaian sasaran kerja tahunan bagi tahun 2021 dan sasaran kerja tahunan bagi tahun 2022, Pelan Operasi Latihan tahun 2022, Peruntukan Kewangan tahun 2022 dan Takwim Jabatan bagi tahun 2022.

Satu sesi lawatan ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, Segari juga telah diadakan pada hari pertama program. Tujuan lawatan ini adalah bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan perancangan berkaitan kawasan pendaratan penyu dan juga ancaman-ancaman semasa terhadap ekosistem hidupan penyu. Sesi lawatan ini telah disambut oleh Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Perak, YBrS Puan Noraishah Binti Hashim.







MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI BIL 1/2022

22. Februari 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil.1 Tahun 2022 telah diadakan dan dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Sebanyak 5 kertas kerja untuk kelulusan dan 1 kertas pemakluman telah diangkat dalam mesyuarat ini, seperti berikut;



- 1** Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)
- 2** Draf Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (GPP PSB)
- 3** Laporan Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung (PSK) di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2 Bagi Negeri Perak
- 4** Draf Rancangan Tempatan (RT) Daerah Kampar 2030 (Pengubahan 5) : Cadangan Pindaan Kelas Kegunaan Tanah BPK 3.7, Pengubahan Zon Guna Tanah Untuk BP 2 – Teja Dan BP 3 – Kampar, Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan
 - i. Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran Bagi Draf RT Daerah Kampar 2030 (Pengubahan 5); Dan
 - ii. Kelulusan Draf RT Daerah Kampar 2030 (Pengubahan 5) Bagi Tujuan Pewartaan
- 5** Draf Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak 2022; dan
- 6** Laporan Hasil Pengukuran Indeks Kemampunan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar - Luar Bandar Malaysia 2.0 (MURNInets 2.0) Negeri Perak Tahun 2021 – Kertas Pemakluman





Keahlian Tetap JPN

Tahun 2022



YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan
Merangkap Pengerusi Mesyuarat JPN



YB Dato' Haji Zainol Fadzi bin Paharudin
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar,
Pembangunan Usahawan dan Koperasi



YB Dato' Haji Mohd Zolkafly bin Harun
Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air
dan Pengangkutan Awam



YB Dato' Shahrul Zaman bin Datuk Yahya
Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan
dan Pembangunan Koridor



YB Dato' Nolee Ashilin bt Mohammed Radzi
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,
Kerajaan Tempatan & Pelancongan



YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak



YB Dato' Azmir Shah bin Zainal
Abidin
Penasihat Undang-Undang Negeri Perak



YB Dato' Zulazlan bin Abu Hassan
Pegawai Kewangan Negeri Perak



YBrs. Puan Hajah Asni binti Mustafa, SDK., BCK.
Pengarah PLANMalaysia@Perak
Merangkap Setiausaha JPN

PERANAN RT DALAM PERANCANGAN GUNA TANAH HOLISTIK DAN SEIMBANG

Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan disediakan selaras dengan Peruntukan Bahagian III, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) supaya guna tanah dapat dirancang dan dikawal secara optimum. Bagi memastikan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan menjadi dokumen sokongan utama di dalam mencorakkan pembangunan negeri. Perancangan secara holistik dengan mengambil kira keperluan dan kehendak semasa hendaklah menjadi keutamaan. Perkara ini perlu diterjemahkan dengan penyediaan kawasan perumahan, kawasan perniagaan, kemudahan awam dan infrastruktur yang mencukupi dan mesra kepada rakyat. Melalui perancangan dalam Rancangan Tempatan, kawasan-kawasan tepu bina yang terdiri daripada kawasan pembangunan di Negeri Perak meningkat sebanyak 0.01 peratus (0.01%) berbanding tahun 2020 menjadi 8 peratus (7.70%) pada tahun 2021.

Bagi memastikan kelangsungan makanan Negara, langkah-langkah sedang diambil di peringkat Negeri Perak untuk mewartakan pengezonan kawasan jelapang padi melalui kaedah Rancangan Tempatan. Khususnya melibatkan Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah, Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak dan Rancangan Tempatan Daerah Kerian. Selain dapat memastikan penyediaan infrastruktur pengairan yang berkesan di kawasan jelapang padi, pengezonan ini juga dapat memastikan guna tanah dan aktiviti bersesuaian sahaja dibenarkan di kawasan ini supaya tidak menjejaskan perannya sebagai salah satu sumber pengeluaran makanan Negara.

Perancangan gunatanah perlu secara seimbang dengan mengambil kira keperluan terhadap perlindungan sumber semulajadi negeri tanpa menjejaskan keperluan untuk pembangunan ekonomi dan sosial ke arah kesejahteraan rakyat Negeri Perak. Pengekalan kawasan hutan juga menjadi agenda utama kerajaan negeri. Hutan merupakan guna tanah terbesar bagi Negeri Perak yang meliputi keluasan 50 peratus (49.78%) daripada keluasan negeri pada tahun 2021.





JAWATANKUASA SIASATAN DAN PENDENGARAN RT HILIR PERAK, KUALA KANGSAR, BATANG PADANG, BANDARAYA IPOH & RKK WARISAN BANDAR TAIPIING

24 Mac 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Bagi Draft Rancangan Tempatan (RT) Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian) telah diadakan di Dewan Mesyuarat Utama, Majlis Perbandaran Teluk Intan yang dipengerusikan oleh YB Dato' Ashilin binti Dato' Mohd Radzi. Seramai 18 ahli mesyuarat yang hadir dan 53 borang bantahan yang diterima.



31 Mac 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Bagi Draft Rancangan Kawasan Khas (RKK) Warisan Bandar Taiping 2.0 telah diadakan di Dewan Mesyuarat Cempaka, Majlis Perbandaran Taiping yang dipengerusikan oleh YB Dato' Ashilin binti Dato' Mohd Radzi. Seramai 15 ahli mesyuarat yang hadir dan 9 bantahan yang diterima.





8 April 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Bagi Draf Rancangan Tempatan (RT) Daerah Kuala Kangsar 2035 (Penggantian) telah diadakan di Dewan Bendahara, Wisma MPKK, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar yang dipengerusikan oleh YB Dato' Ashilin binti Dato' Mohd Radzi. Seramai 23 ahli mesyuarat yang hadir dan 12 borang bantahan (melibatkan 24 bantahan/cadangan) yang diterima.



27 April 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Bagi Draf Rancangan Tempatan (RT) Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) telah diadakan di Dewan Merdeka, Majlis Daerah Tapah yang dipengerusikan oleh YB Dato' Ashilin binti Dato' Mohd Radzi. Seramai 13 ahli mesyuarat yang hadir dan 261 borang bantahan (melibatkan 681 bantahan/cadangan) yang diterima.



25 Julai 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Bagi Draf Rancangan Tempatan (RT) Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian) telah diadakan di Dewan Mesyuarat, Lobi Majlis Bandaraya Ipoh yang dipengerusikan oleh YB Dato' Ashilin binti Dato' Mohd Radzi. Seramai 26 ahli mesyuarat yang hadir dan 111 borang bantahan (melibatkan 81 bantahan/ 102 cadangan) yang diterima.



MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI BIL 2/2022

28 April 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil.2 Tahun 2022 telah diadakan pada 28 April 2022 bersamaan 26 Ramadhan 1443H dan telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Sebanyak 3 kertas kerja untuk kelulusan dan 3 kertas pemakluman telah diangkat dalam mesyuarat ini, seperti berikut;



- 1** Kajian Kawasan Perindustrian Negeri Perak – Kertas Pemakluman
- 2** Kajian Status Kemajuan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Negeri Perak – Kertas Pemakluman
- 3** Cadangan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JSTP)
- 4** Pemakluman Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JSTP) Serta Kelulusan Bagi Tujuan Pewartaan:
 - i. Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2030 (Penggubahan) ; dan
 - ii. Draf Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 (Penggubahan 3) : Cadangan Pewartaan Pengezonan Kawasan Jelapang Padi
- 5** Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Terhadap Cadangan Penggubahan Rancangan Tempatan Yang Sedang Berkuatkuasa :
 - i. Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah 2025 (Penggubahan 3); dan
 - ii. Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2035 (Penggubahan 2)
- 6** Projek Rundingan JKR Di Bawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) – Kertas Pemakluman



MAJLIS APC DAN PERSARAAN PENGARAH

13 Mei 2022 - Majlis Jasamu Dikenang 2021, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021, Perpindahan Warga serta KESUBA Raya 2022 yang dianjurkan oleh PLANMalaysia@Perak telah diadakan pada 13 Mei 2022 dan dirasmikan oleh TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia.

Majlis ini turut meraikan Pn Hajah Asni binti Mustafa, Pengarah PLANMalaysia@Perak, En Michael Daas A/L Rayappan, Pembantu Operasi N11 yang akan bersara dan pertukaran En Kamarudzaman bin Noratu, Penolong Pegawai Tadbir N29 ke Kementerian Dalam Negeri.

Sembilan (9) Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, iaitu:

- En Jabu Anak Dugu (J52);
- En Khairil bin Khalid (J48);
- Pn Norafidah binti Salleh (J41);
- En Syamsul Adha bin Abd. Ghani (JA36);
- En Mohd. Shaiful Shah bin Md. Radzi (JA29);
- Pn Ismaliza binti Isa (JA29);
- Pn Siti Noorfahana binti Abdul Razak (JA29);
- En Mior Mohamad Faiiz bin Mohd (N11), dan
- En Zulkipli bin Yusop (N11)

PLANMalaysia mengucapkan setinggi - tinggi penghargaan kepada semua pesara. Ucapan tahniah kepada semua penerima APC dan selamat maju jaya kepada pegawai yang berpindah.



MAJLIS LAMBAIAN KASIH, SANJUNGAN BUDI

18 Mei 2022 - Satu Majlis Sanjungan Budi telah diadakan sempena persaraan Pengarah PLANMalaysia Perak Pn.Hajah Asni binti Mustafa yang akan bersara wajib pada 21 Mei 2022. Ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih seluruh warga PLANMalaysia@Perak kepada Puan Hajah Asni di atas khidmat bakti yang dicurahkan.

Semoga Puan Hajah Asni binti Mustafa sentiasa dalam rahmat Allah swt, diberikan kesihatan yang baik dan bahagia di dunia serta akhirat.



MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI BIL 3/2022

22 September 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil.3 Tahun 2022 telah diadakan pada 22 September 2022 bersamaan 25 Safar 1444H dan telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Sebanyak 3 kertas kerja untuk kelulusan dan 1 kertas pemakluman telah diangkat dalam mesyuarat ini, seperti berikut;



1 Laporan Kajian Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB) Negeri Perak

2 Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JSTP) Serta Kelulusan Bagi Tujuan Pewartaan:

- i. Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian);
- ii. Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035 (Penggantian); dan
- iii. Draf Rancangan Kawasan Khas Warisan Bandar Taiping 2.0

3 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Terhadap Cadangan Pengubahan Rancangan Tempatan (RT) Yang Sedang Berkuatkuasa:

- i. Rancangan Tempatan Daerah Bagan Datuk 2035 (Pengubahan);
- ii. Rancangan Tempatan Daerah Selama 2030 (Pengubahan 2);
- iii. Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Pengubahan 6); dan
- iv. Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2035 (Pengubahan 4)
- v. Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2030 (Pengubahan 2)

4 Projek Rundingan JKR Di Bawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) - Pemakluman



SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2022 PERINGKAT NEGERI PERAK

20 Oktober 2022- Bersempena dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Perak Tahun 2022, PLANMalaysia@Perak telah berkolaborasi bersama Majlis Bandaraya Ipoh, Universiti Teknologi MARA, Seri Iskandar dan SMK Raja Chulan bagi menjayakan Program 'Localising SDGs'- Inisiatif Bandar Rendah Karbon serta memperkenalkan PLANMalaysia dan profesion Perancang Bandar kepada pelajar-pelajar sekolah. Seramai 200 orang pelajar yang terlibat dalam menjayakan program ini.



26 Oktober 2022 - Sesi Penjurian bagi Pertandingan Reka bentuk Bandar Berdaya Huni bersempena Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 telah di adakan di Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, UiTM Seri Iskandar. Penyertaan yang melibatkan seramai 56 orang pelajar di juri oleh Gs Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia@Perak, Gs Dr Nor Hisham bin Md Saman, Ketua Koordinator Program Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah UiTM Seri Iskandar dan En. Jabu anak Dugu, Timbalan Pengarah PLANMalaysia@ Perak.



1 November 2022- Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Perak Tahun 2022, telah disempurnakan oleh YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bertempat di Hotel Casuarina Meru, Ipoh. Dalam ucapannya YB SUK memaklumkan bagi mencapai maksud Malaysia Berdaya Huni: Transformasi Bandar Masa Hadapan ini, perancangan di Negeri Perak hendaklah diolah dengan sebaik mungkin dengan tumpuan hendaklah diberikan kepada peningkatan kualiti persekitaran, amalan hidup sihat, perbandaran yang mampan, makmur dan sejahtera. YB Dato' SUK juga turut berbesar hati untuk menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang menerima Anugerah Bandar Berdaya Huni, PBT dan jabatan/agensi yang menjayakan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MURNINets) serta hadiah pertandingan-pertandingan yang bertemakan 'Bandar Berdaya Huni'. Turut hadir sama TPr Md Nazri bin Abdullah Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia, Puan Halizah binti Sipun, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan Gs Mohamed Zamri bin Mohd, Pengarah PLANMalaysia@Perak



MAJLIS PELANCARAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) 2021 - 2025 & PERHIMPUNAN BULANAN WARGA BIL 4/2022

24 Oktober 2022 - Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021 - 2025 dan Perhimpunan Warga Bil.4/2022 telah diadakan dan rasmi oleh YBrs Gs Mohamed Zamri bin Mohd. Zain, Pengarah PlanMalaysia@Perak di Hotel Tower Regency, Ipoh. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan, selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah inisiatif 2.1.5, yang mewajibkan sektor awam membangunkan OACP, Jabatan telah merangka dan membangunkan OACP PLANMalaysia@Perak 2021-2025 berdasarkan visi dan misi jabatan. Bagi menayakan perkara ini, OACP ini telah menetapkan tiga (3) strategi utama untuk dilaksanakan iaitu:

- i. Meningkatkan Akauntibiliti dan Intergriti Kakitangan;
- ii. Memperkasakan Intergriti dalam Pengurusan Data dan Maklumat; dan
- iii. Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Jabatan.

Majlis ini juga turut merayakan penerima anugerah EOTM dan warga yang lahir pada bulan Oktober - Disember.





**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
PERAK DARUL RIDZUAN
(PLANMalaysia@Perak)**

Tingkat 3 & 7, Bangunan Seri Perak,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30646 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tel : 05-209 5700 Faks : 05-255 3022
Laman web : planmalaysia.perak.gov.my
Emel : townplan@perak.gov.my